

Bab 2

SOROTAN PENULISAN DAN KAJIAN LAMPAU

Pengenalan

Kajian ini berhubung dengan penghasilan dan penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) untuk klinik pemulihan Bahasa Inggeris bagi para pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang (SMTKK), Jelevu, Negeri Sembilan. Bab ini akan membincangkan pendapat-pendapat para tokoh pendidikan yang diperolehi hasil dari sorotan penulisan disamping membincangkan dapatan-dapatan yang diperolehi hasil kajian para penyelidik dalam bidang pendidikan yang berkaitan. Bahagian pertama bab ini akan menyentuh tentang perkembangan pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia yang merangkumi masalah pengajaran Bahasa Inggeris di Malaysia.

Bahagian kedua bab ini pula akan memperkatakan tentang pendidikan pemulihan iaitu konsep pendidikan pemulihan dan bahan bacaan yang berkaitan dengannya. Seterusnya bab ini akan menerangkan tentang pengajaran individu, sejarah perkembangan pengajaran individu, pengajaran terancang dan modul sebagai bahan pengajaran individu. Seterusnya adalah dibincangkan teori

pembelajaran. Di bawah tajuk reka bentuk sistem pengajaran pula, akan dimuatkan sorotan penulisan berhubung reka bentuk sistem pengajaran dan model-model terkenal seperti model-model Dick dan Carey (1985), Seels dan Glasgow (II) dan fasa-fasa am dalam model reka bentuk sistem pengajaran. Akhir sekali bab ini akan mengemukakan kajian-kajian lampau berhubung penghasilan dan penilaian modul pengajaran sendiri.

Perkembangan Pendidikan Bahasa Inggeris

Di Malaysia

Sewaktu penjajahan bangsa Inggeris ke atas Tanah Melayu, bangsa tersebut telah mengamalkan dasar 'pecah dan perintah' bagi memastikan setiap bangsa terpisah antara satu sama lain dan anak-anak tempatan tidak mendapat kesedaran pendidikan dan politik. Dengan itu, sekolah-sekolah Inggeris hanya didirikan di bandar-bandar yang ternyata menyukarkan anak-anak tempatan untuk menghadirinya. Kesannya, tidak ramai anak tempatan yang mendapat pendidikan Inggeris dan ini menghalang mereka dari melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Ee Ah Meng, 1991b).

Selepas Laporan Razak diterima oleh majlis Perundangan Persekutuan dan disahkan oleh Ordinan Pelajaran Tahun 1957, barulah peluang pendidikan tinggi terbuka kepada semua penduduk kerana Laporan Razak mengesyorkan agar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dijadikan subjek wajib di semua sekolah rendah dan menengah. Selepas Laporan Kabinet 1979, terdapat beberapa perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Berhubung kedudukan Bahasa Inggeris, bahasa tersebut disyorkan diajar sebagai bahasa kedua dan lebih banyak guru-guru terlatih yang berkelayakan mengajar bahasa tersebut dihantar ke sekolah-sekolah luar bandar untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian para pelajar dalam bahasa tersebut (Ee Ah Meng, 1991b).

Ee Ah Meng juga menyatakan bahawa penggubalan Kurikulum baru Sekolah Menengah (KBSM) adalah bermula daripada Falsafah Pendidikan Negara. Mengikut KBSM, ada subjek-subjek yang dijadikan subjek teras iaitu subjek-subjek yang wajib dipelajari oleh semua pelajar. Subjek-subjek ini adalah untuk memenuhi keperluan perkembangan individu-individu yang menyeluruh dan bersepadu. Bahasa Inggeris merupakan salah satu dari subjek teras ini.

Perkembangan pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia kini dibantu dengan penetapan sasaran tahun 2020 sebagai tahun pada mana Malaysia dijangkakan akan mencapai status sebagai negara maju yang dikenali sebagai wawasan 2020. Status ini akan meletakkan Malaysia dalam kancah persaingan dengan lain-lain negara maju dalam bidang sains, teknologi, industri, ekonomi, pendidikan dan komersial. Persaingan di peringkat antara bangsa ini tidak memberi alternatif lain kepada rakyat Malaysia kecuali menguasai Bahasa Inggeris yang menjadi bahasa perantaraan yang dapat membantu mereka turut sama dalam persaingan tersebut.

Kemajuan bidang pendidikan di Malaysia turut memainkan peranan dalam mengembangkan pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia. Penubuhan program-program berkembar antara institusi-institusi pengajian tempatan dan institusi-institusi dari luar negara seperti Britain, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Program-program berkembar ini meletakkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pusat-pusat pengajian tinggi tempatan pula, walaupun menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, namun gagal menyediakan buku-buku rujukan yang mencukupi dalam Bahasa Melayu terutamanya dalam bidang sains dan

teknologi. Secara tidak langsung, ini memberikan tekanan kepada para pelajar untuk menguasai Bahasa Inggeris.

Ledakan teknologi maklumat di akhir tahun-tahun 90an, memperlihatkan usaha kerajaan dalam menggalakkan perdagangan elektronik. Dalam menguasai perdagangan elektronik, penguasaan Bahasa Inggeris adalah penting kerana tidak dinafikan bahawa bahasa tersebut buat masa ini merupakan bahasa perantaraan antarabangsa.

Masalah Pengajaran Bahasa Inggeris

Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia

Walaupun Malaysia pernah dijajah oleh bangsa Inggeris, namun rakyat Malaysia sehingga ke saat ini masih mengalami masalah untuk menguasai bahasa tersebut. Ini dibuktikan dengan kegagalan sebegitu ramai para pelajar Malaysia dalam subjek tersebut di peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Keputusan SPM dan SPM(V) yang lalu menunjukkan hanya 63.1% calon yang lulus kertas Bahasa Inggeris 1322/1119.

Satu program bahasa yang unggul seharusnya dapat memenuhi keperluan keupayaan para pelajar yang berbeza. Namun di Malaysia, di bawah program Kebangsaan, dengan

sukatan pelajaran yang sama dan sistem penilaian pusat, para guru terpaksa menghabiskan sukatan pelajaran dengan purata empat puluh pelajar bagi setiap kelas. Kelas-kelas ini mempunyai para pelajar yang berbeza dari segi tahap kefasihan Bahasa Inggeris mereka. Sementara itu, buku-buku teks yang ditulis pula hanya mengikut anggaran penulis tentang tahap keupayaan pelajar mengikut pengalaman penulis itu sendiri. Kesan dari situasi pengajaran-pembelajaran ini ialah strategi pengajaran guru yang menumpukan kepada kebolehan purata kelas. Bermakna, sekumpulan pelajar mungkin memerlukan pendidikan pemulihan untuk berjaya (Compendium : A Handbook, 1991, ms.1-2).

Tidak cukup dengan kehadiran pelajar dalam satu kelas yang ramai iaitu pada purata 40-50 orang pelajar dalam satu kelas, faktor kekurangan guru Bahasa Inggeris turut mempengaruhi tahap penguasaan para pelajar. Kekurangan guru Bahasa Inggeris diakui oleh Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Razak dalam mengulas laporan kekurangan guru Bahasa Inggeris di Kelantan. Menurut beliau, "Kekurangan guru sebenarnya tidak berlaku, cuma guru pengkhususan dalam Bahasa Inggeris belum mencukupi." (Utusan Malaysia, 7 Januari, 1998). Kekurangan guru subjek ini, memaksa sekolah-sekolah yang

terlibat meletakkan guru yang tidak berkelayakan dalam bidang Bahasa Inggeris untuk mengajar subjek tersebut. Ini boleh mengakibatkan pengajaran yang kurang berkesan serta mungkin mengakibatkan penurunan motivasi dalam mempelajari bahasa tersebut. Apa bila mana-mana pelajar ketinggalan dalam menguasai mana-mana item bahasa, dan masalah tersebut tidak di atasi melalui pemulihan, maka masalah longgokan bahasa akan terjadi dan sukar untuk di atasi.

Di dalam buku Compendium : A Handbook (1991, ms. 51-52) juga dinyatakan bahawa pelajar bahasa perlu memahami dan difahami dalam bahasa yang mereka pelajari. Untuk itu, mereka perlu mengenali dan memahami makna-makna tatabahasa dalam bahasa percakapan dan penulisan. Tatabahasa merupakan asas penting kepada bahasa dan komponen penting dalam mempelajari satu-satu bahasa. Tanpa pengetahuan tatabahasa, pelajar akan gagal memahami dengan jelas apabila mereka mendengar dan membaca serta mereka juga akan gagal meluahkan perasaan mereka dengan jelas secara lisan atau bertulis. Pendekatan tradisi dalam pengajaran Bahasa Inggeris satu masa dahulu adalah berpandukan pendapat bahawa bahasa akan dapat dipelajari dengan cekap dengan mempelajari garis panduan tatabahasa. Pendapat ini dikembangkan dengan memberikan lebih tumpuan

terhadap bahasa untuk tujuan komunikasi berbanding bentuk bahasa. Ini menyebabkan ketepatan bahasa yang berkaitan dengan pendekatan tradisi berada dalam keadaan bahaya. Metodologi terkini mencadangkan bahawa pengajaran tatabahasa mempunyai peranan lebih berpusat dalam menangani pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Berhubung kenyataan di atas, adalah sukar untuk para guru di sekolah menengah untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris dengan membantu mengatasi masalah tatabahasa kerana pengajaran tatabahasa tidak dilakukan secara per se di bilik darjah. Para pelajar yang mengalami masalah menguasai mana-mana item tatabahasa seharusnya menjalani pemulihan secepat mungkin.

Pendidikan Pemulihan

Adalah sukar memahami situasi di mana para pelajar yang telah mempelajari Bahasa Inggeris secara formal selama sebelas tahun iaitu dari darjah satu hingga ke tingkatan lima boleh gagal dalam peperiksaan SPM(V). Namun Koh (1981, ms. 3-4) berpendapat bahawa kesulitan para pelajar dalam mempelajari Bahasa Inggeris sebagai

bahasa kedua atau bahasa asing tidak dipertimbangkan dalam proses pengajaran. Para pelajar sudah pasti mengalami kesulitan memahami konsep-konsep asing yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka. Contoh masalah yang dialami oleh para pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris ialah *tenses*. Penambahan *-ed* kepada kata kerja yang menunjukkan *past tense* tidak terdapat dalam Bahasa Malaysia. Contohnya, *walk* menjadi *walked*. Dengan itu, amat sukar bagi para pelajar menerima dan menyesuaikan diri dengan peraturan penggunaan *tenses* dalam pembinaan ayat Bahasa Inggeris.

Kegagalan menguasai peringkat asas bahasa menyebabkan pelajar gagal menguasai pelajaran berikutnya akibat sifat longgokan pembelajaran bahasa kedua seperti dinyatakan oleh Bloom, Hastings dan Madaus (1971, ms. 839). Ini selaras dengan pendapat Koh (1981, ms.33) yang menyatakan bahawa kelemahan-kelemahan pelajar dalam bahasa yang dibiarkan tahun demi tahun akan mengakibatkan kehilangan minat pelajar terhadap pelajaran bahasa. Beliau telah mencadangkan pengesanan masalah bahasa seawal mungkin untuk membolehkan proses pemulihan.

Menurut Syed Abu Bakar (1997), "Kanak-kanak pemulihan ialah ... sering melakukan kesalahan dalam kerja

sekolah dan memperoleh keputusan ujian dan peperiksaan yang kurang memuaskan ..." Syed Abu Bakar juga menyatakan bahawa murid-murid pemulihan ini juga memperlihatkan ciri-ciri berikut:

1. kurang yakin diri
2. rendah konsep diri
3. pasif terhadap kegiatan pembelajaran
4. mudah putus asa.

Pernyataan di atas menunjukkan betapa pentingnya proses pendidikan pemulihan diadakan untuk mengatasi kesan psikologi yang dialami oleh murid-murid pemulihan.

Apakah yang dimaksudkan dengan konsep pendidikan pemulihan? Pelbagai takrifan telah diberikan dan antaranya ialah definisi pendidikan pemulihan yang dibuat oleh Sharifah Alwiah Alsagoff yang menyatakan pendidikan pemulihan itu sebagai berikut:

...satu tindakan khusus yang diambil untuk mengatasi keperluan pendidikan murid yang mengalami kesusahan dari segi pembelajaran dalam darjah khas di sekolah biasa, di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan, dalam kumpulan yang diasingkan daripada sekolah biasa, dan dalam darjah untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan. (Seperti dipetik dalam Mat Nor Hussin dan Jais Sahok, 1990, ms.5-6)

Takrifan pendidikan pemulihan menurut Ee Ah Meng (1991a, ms.43) pula adalah seperti berikut:

Pendidikan pemulihan merupakan aktiviti pengajaran pembelajaran yang disediakan untuk menolong murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran dengan pendekatan, bahan-bahan serta aktiviti yang alternatif. Murid-murid yang dimaksudkan itu biasanya digelar murid lambat kerana gagal menguasai sesuatu kemahiran dalam masa yang ditentukan.

Dari dua tafsiran yang dipetik dari dua tokoh pendidik, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pendidikan pemulihan adalah alternatif yang perlu diambil bagi menangani masalah para pelajar yang ketinggalan dalam sebarang subjek di sekolah. Keberkesanan pendidikan pemulihan ini terbukti dalam kajian Blair yang mendapati, "terdapat ramai pelajar yang lemah kemahiran aritmetik meningkat pencapaiannya apabila program pemulihan yang sesuai diperkenalkan." (Seperti dipetik dalam Mohamad B. Draman, 1996). Di Malaysia, program pendidikan pemulihan pernah dijalankan di beberapa sekolah rendah dengan menggunakan strategi *withdrawal system*. Para pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik dibimbing khas oleh guru pemulihan khas. Walau bagaimanapun, kekurangan tenaga

pengajar yang terlatih menghadkan usaha ini (Mat Nor Hussin, 1991, ms.8).

Dalam menjalankan pendidikan pemulihan, pelbagai aktiviti boleh dilakukan. Menurut Koh (1981, ms.59), terdapat empat kemungkinan untuk memberikan bantuan khas kepada murid lambat iaitu:

1. Guru matapelajaran/kelas mengadakan kelas tambahan pada hari Sabtu atau masa cuti sekolah.
2. Adakan guru khas yang tugasnya khusus untuk menguruskan menguruskan perkara pemulihan di sekolah.
3. Dapatkan kejasama dari ibu bapa untuk memberi pengajaran pemulihan sendiri ataupun melalui guru *tuition*.
4. Adakan pengajaran pemulihan dengan menggunakan bahan-bahan pengajaran sendiri terancang.

Kemungkinan-kemungkinan yang dicadangkan oleh Koh di atas, memang bersesuaian sekali. Namun seperti katanya juga, terdapat beberapa faktor yang menghalang perlaksanaannya. Mengadakan kelas pada hari Sabtu atau cuti sekolah adalah cadangan yang bagus, tetapi umum mengetahui bahawa hari Sabtu dan cuti sekolah digunakan

oleh para guru bagi menghadiri mesyuarat atau kursus-kursus peningkatan profesionalisme. Sementara itu, mengadakan guru khas pemulihan melibatkan peruntukan kewangan yang banyak untuk tujuan latihan guru-guru yang berkecukupan dalam pemulihan. Seterusnya, menghantar anak-anak ke pusat tuisyen akan membebankan ibu bapa, dan hanya yang mampu sahaja akan dapat melakukannya. Walau bagaimanapun, pengkaji bersetuju dengan cadangan penggunaan bahan-bahan pengajaran sendiri terancang berdasarkan sifat-sifat pengajaran sendiri terancang itu yang didapati sesuai dalam menangani masalah pemulihan.

Para pelajar yang akan terlibat dalam klinik pemulihan Bahasa Inggeris di SMTKK ini adalah para pelajar yang gagal menguasai item-item tatabahasa khususnya *subject-verb agreement* dan *tenses*. Dengan itu tumpuan klinik akan diberikan kepada usaha membantu para pelajar menguasai kedua-dua item tersebut. Pembelajaran penguasaan secara terancang akan membantu para pelajar menguasai topik yang dikehendaki secara meningkat dan tersusun.

Para pelajar yang mengalami masalah dalam menguasai item-item tatabahasa ini memerlukan pemulihan dalam menguasai item-item tersebut. Oleh kerana penguasaan

mereka sangat rendah dalam kedua-dua item tersebut maka mereka memerlukan bimbingan dan latihan tubi yang terancang. Malangnya bagi para pelajar ini, jumlah pelajar yang besar dalam satu-satu kelas di SMTKK iaitu purata 40-45 orang pelajar tidak memungkinkan para guru memberikan tumpuan yang lebih dalam membimbing mereka menguasai kelemahan mereka dalam bilik darjah. Kelas pemulihan pula tidak dapat dilakukan di luar waktu persekolahan kerana waktu persekolahan yang panjang dan kekurangan guru untuk mengendalikan kelas-kelas berkenaan.

Kehadiran sebarang bentuk bahan pengajaran individu dijangkakan dapat membantu menangani masalah yang timbul dalam usaha pemulihan para pelajar tersebut.

Pengajaran Individu

Menurut Knapper (1970, ms.18), "istilah pengajaran individu adalah untuk membezakan pendekatan tersebut daripada pengajaran tradisi di mana guru menyampaikan kandungan pengajaran atau kelas kepada sekumpulan pelajar tanpa mengambil kira perbezaan gaya pembelajaran atau keupayaan individu." Gagné dan Briggs (1974, ms.186-187)

berpendapat bahwa pengajaran individu berbeza dari pengajaran berkumpulan secara konvensional dalam cara kawalan dan pengurusan persekitaran pembelajaran untuk mencapai objektif.

Sejarah Perkembangan Pengajaran Individu

Rancangan-rancangan pengajaran individu yang pertama dibangunkan di antara tahun 1910 dan 1920 tetapi tidak terkenal. Pada tahun 1920an, beberapa perancangan berjaya dibangunkan. Mary Ward dan Brederic Burk dari San Francisco Normal School berjaya mencipta satu set bahan-bahan pengajaran sendiri yang membenarkan pelajar-pelajar meningkat maju pada tahap mereka sendiri dengan arahan minimum dari guru. Carleton W. Washington dan Helen Parkhurst berjaya mencipta Rancangan Winnetka yang merangkumi bahan pengajaran sendiri, buku kerja dan ujian yang boleh diambil sendiri oleh para pelajar. Di bawah Rancangan Winnetka, bilik-bilik darjah bertukar menjadi makmal-makmal atau bilik-bilik persidangan dan para guru menjadi penasihat atau jurupandu. Parkhurst juga berjaya membangunkan Rancangan Dalton yang merangkumi 'pembelajaran secara kontrak'. Apabila para pelajar

bersetuju dengan satu-satu kontrak, mereka bebas melaksanakannya pada tahap mereka sendiri dan tidak ada kontrak baru akan dibenarkan sehingga kontrak yang sedia ada disempurnakan dengan memuaskan ("Plans for individualized", 1998).

Terdapat kepelbagaian penyampaian di bawah pengajaran individu. Knapper (1980, ms. 17), menyenaraikan beberapa kaedah penyampaian. Antaranya : pengajaran terancang; makmal bahasa; sistem pengajaran individu; pita slaid; TV litar-tertutup; tutorial secara odio; pengajaran bantuan komputer; penyelesaian berasaskan kumpulan dan demonstrasi; simulasi. George (1980), menganggap bidang pengajaran terancang ini sebagai penting.

Pengajaran Terancang

Pengajaran terancang merupakan pengajaran dalam langkah-langkah berturutan yang terkawal ("Programmed instruction", 1998). George (1980, ms.22) mengatakan bahawa, "pengajaran terancang merupakan cara mempersembahkan aliran maklumat dengan cara yang disesuaikan, daripada guru kepada pelajar." Beliau juga

mengatakan bahawa pengajaran terancang bertujuan untuk memberikan maklum balas maklumat melalui soalan dan jawapan. B.F. Skinner yang merupakan pengasas kepada pengajaran terancang ini. Kajian Skinner ke atas *operant conditioning* dan pembelajaran haiwan mendapati bahawa perlakuan mudah boleh dilakukan bersama secara berurutan untuk menghasilkan pembelajaran tugas-tugas yang lebih rumit.

Dalam pengajaran terancang, bahan pengajaran akan dirancang sedemikian rupa dengan memecahkannya kepada bahagian yang lebih kecil dan diberikan kepada pelajar satu demi satu. Sekiranya program ditulis dengan rapi, kejayaan ujian adalah terjamin kerana maklumat yang diberikan adalah dalam pecahan yang kecil. Maklum balas terhadap pencapaian atau prestasi pelajar disertakan seiring dengan ganjaran di atas kejayaan pelajar dalam ujian. Terdapat dua jenis teknik pengajaran terancang iaitu secara *linear* dan secara *branching*.

Pengajaran terancang secara *linear* merupakan pengajaran melalui *frame* individu yang pendek dan meningkat secara selangkah demi selangkah. Walaupun pelajar maju mengikut tahap mereka sendiri, ia tidak memberi peluang kepada pelajar yang lebih pandai untuk

maju ke peringkat yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka. Ini akan menjadikan pelajar yang lebih pandai kebosanan. Teknik pengajaran secara *branching* adalah lebih fleksibel dalam menangani perbezaan individu dalam pembelajaran. Satu set bahan yang lebih susah daripada teknik *linear* disediakan. Pelajar yang gagal dalam ujian yang disediakan diujung setiap *frame* akan di arahkan ke satu set *frame* pemulihan yang menerangkan kesalahan yang dilakukan. Selepas satu lagi ujian untuk memastikan bahan telah dikuasai, pelajar dibawa semula ke program utama. Cabang ini sukar dilakukan bagi format teks (tetapi tidak mustahil) tetapi mudah diuruskan oleh kebanyakan mesin pengajaran (Knapper, 1980, ms. 18-21).

Modul Sebagai Pengajaran Individu

Menurut Gagné dan Briggs (1974, Bab. 10), modul sebagai pengajaran individu bukan sahaja berkesan dan cekap berbanding pengajaran berkumpulan tetapi lebih memenuhi kehendak pelajar kerana bersifat lebih 'kemanusiaan'. Ini disebabkan:

- 1) Ia membenarkan matlamat yang lebih nyata ditentukan untuk setiap pelajar;

- 2) menyediakan pelbagai bahan dan sumber untuk setiap matlamat dan dengan itu disesuaikan dengan keupayaan dan latar belakang individu;
- 3) memberikan masa untuk bersendirian apabila berhadapan dengan masalah;
- 4) membenarkan pelajar bekerja pada tahapnya sendiri;
- 5) memberikan maklum balas individu.

Modul untuk pengajaran individu kadang-kadang mengandungi bahan-bahan, latihan-latihan dan ujian-ujian. Kadangkala pula, ia merujuk kepada bahan-bahan dan aktiviti di luar modul mengikut kesesuaian. Namun, satu modul mengandungi sekurang-kurangnya:

1. Objektif kelakuan.
2. Satu set bahan-bahan dan aktiviti pembelajaran samada terdapat di dalam atau luar modul.
3. Satu kaedah penilaian diri dalam penguasaan objektif.
4. Pengesahaan hasil pembelajaran oleh guru.

Penghasilan modul seperti lain-lain bahan pengajaran adalah berasaskan teori pembelajaran.

Teori Pembelajaran

Berikut adalah beberapa teori pembelajaran yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk pengajaran.

Teori Pembelajaran Behavioris

(Operant Conditioning)

Parameter-parameter [dalam teori pembelajaran] mengenalpasti unit perlakuan untuk dianalisis :syarat yang menghasilkan perubahan-perubahan di dalamnya; dan ciri serta pengekaln perubahan-perubahan yang mungkin terhasil di dalamnya (Gropper, 1983, ms.106).

Di dalam pengukuhan berorientasikan perlakuan, unit analisis merupakan perkaitan gerak balas rangsangan [S-R association] (Gropper, 1983, ms. 107). Pengukuhan merupakan elemen utama dalam teori S-R [gerak balas rangsangan] Skinner. Pengukuh merupakan apa sahaja yang menguatkan gerak balas yang diinginkan. Ia mungkin kata-kata pujian, gred yang bagus atau perasaan peningkatan

pencapaian atau kepuasan (Kearsley, 1999). Apabila rangsangan berulang kali memberikan gerak balas yang bersesuaian, gerak balas dikatakan berada dalam kawalan rangsangan tersebut. Walau apa ciri rangsangan, gerak balas atau pengukuhan, penghasilan kawalan rangsangan yang stabil bergantung ke atas dua syarat pembelajaran: latihan gerak balas yang bersesuaian dengan kehadiran rangsangan yang akan mengawalinya [gerak balas tersebut] dan penghasilan pengukuhan dari latihan (Gropper, 1983, ms.107).

Terdapat prasyarat-prasyarat untuk kawalan rangsangan iaitu penguasaan empat kemahiran: diskriminasi, generalisasi, perkaitan dan perantaraan.

Diskriminasi menurut Gagné dan Briggs (1974, ms. 39) adalah "...keupayaan membuat gerak balas-gerak balas berbeza terhadap rangsangan-rangsangan yang berbeza antara satu sama lain..." Ini bermakna pelajar harus berupaya membezakan atau mendiskriminasikan rangsangan sebagai prasyarat untuk mengawal rangsangan. Contohnya, untuk membolehkan pelajar mengelaskan objek sebagai gas, cecair atau pepejal, keupayaan membezakan setiap satunya [gas, cecair dan pepejal] diperlukan. Perlakuan yang berjaya akan mengukuhkan gerak balas yang bersesuaian.

Menurut Gropper (1983, ms.108), "Dalam proses penguksuhan bagi gerak balas dengan cara tertentu terhadap rangsangan tertentu, pelajar akan bergerak balas dengan cara yang sama terhadap rangsangan lain yang sama atau mempunyai fungsi yang sama seperti [rangsangan] yang asal. Fenomena ini dipanggil oleh Gropper sebagai generalisasi. Implikasi dari prasyarat ini, pelajar harus dapat mengenalpasti ciri-ciri sama atau yang mempunyai fungsi yang sama bagi satu-satu kelas bagi memastikan kejayaan perlakuan.

Pelajar bukan sahaja mampu membezakan rangsangan tetapi juga mampu mengaitkan gerak balas dengan rangsangan bagi keadaan yang bersesuaian. Dengan lain perkataan Gropper (1983, ms.109) menyatakan bahawa, "Perlakuan berjaya...tidak akan menjadi kecuali siperlaku dapat mengaitkan rangsangan tertentu [untuk kelas rangsangan] dengan gerak balas tertentu."

Walaupun S-R merupakan unit analisis, namun perlakuan manusia melibatkan berganda-ganda unit sedemikian. Kesemuanya dirantai bersama dalam urutan tertentu (Gropper, 1983, ms.109). Sebelum pembelajaran, rangsangan dalam pasangan S-R individu tidak selalunya membawa kepada gerak balas yang sesuai. Apabila

pembelajaran meningkat, kebarangkalian gerak balas yang betul dihasilkan akan meningkat. Akhirnya, kawalan rangsangan yang stabil diperolehi. Latihan harus dilakukan untuk mempelajari perlakuan total yang belum dipelajari dalam rangkaian semua unit S-R.

Teori Syarat-syarat Pembelajaran

Teori ini mengatakan bahawa terdapat beberapa jenis atau tahap pembelajaran. Perbezaan setiap pengelasan ialah setiap satu jenis memerlukan jenis pengajaran yang berbeza. Gagné mengenalpasti lima kategori utama pembelajaran: maklumat verbal, kemahiran intelektual, strategi kognitif dan sikap. Syarat-syarat dalaman dan luaran yang berbeza adalah penting bagi setiap jenis pembelajaran. Gagné mencadangkan tugas-tugas pembelajaran kemahiran intelek boleh disusun mengikut hirarki kompleksiti. Signifikan hirarki adalah untuk mengenalpasti keperluan awal yang perlu disempurnakan untuk memudahkan pembelajaran pada setiap tahap. Keperluan awal ini dikenal pasti dengan melakukan analisis tugas. Hirarki pembelajaran juga membekalkan asas dalam membuat urutan

pengajaran (Kearsley, 1999). Sebagai tambahan, teori ini memberi garis kasar sembilan peristiwa pembelajaran:

1. Mendapatkan perhatian.
2. Memaklumkan pelajar tentang objektif.
3. Merangsang pengingatan semula pelajaran lalu.
4. Mengemukakan rangsangan.
5. Membekalkan bimbingan pembelajaran.
6. Mendapatkan gerak balas prestasi.
7. Memberikan maklum balas.
8. Menilai prestasi.
9. Meningkatkan pengekalan dan pemindahan ilmu.

Prinsip yang digunakan dalam teori ini ialah:

1. Pengajaran berbeza diperlukan untuk memberikan hasil pembelajaran yang berbeza.
2. Peristiwa-peristiwa pembelajaran beroperasi ke atas pelajar dengan cara-cara yang menghasilkan syarat-syarat pembelajaran.
3. Operasi-operasi tertentu yang menghasilkan peristiwa pembelajaran adalah berbeza untuk setiap jenis hasil pembelajaran.

4. Hiraki pembelajaran mendefinisikan kemahiran intelektual yang harus dipelajari dan urutan pengajaran.

Teori Motivasi

Motivasi memainkan peranan yang penting dalam menjamin kejayaan pengajaran. Terdapat banyak pandangan berbeza tentang motivasi. Para Behavioris percaya kepada peranan faktor luaran atau ekstrinsik ke atas motivasi sementara para kognitif pula percaya kepada proses pemikiran internal yang terlibat dalam pembelajaran.

Model motivasi ARCS merupakan salah satu model motivasi yang sangat terkenal. Model ini direka oleh John Keller berdasarkan sorotan penulisan berkaitan motivasi (Dick dan Carey, 1990, ms. 167). Model ARCS ini memberi tumpuan kepada empat konsep utama. Konsep-konsep tersebut adalah: perhatian, perkaitan, keyakinan dan kepuasan (Seperti dipetik dari Fry, 1997, ms.3).

Mengikut model ini, perhatian membawa maksud bahawa pengajaran harus mampu mendapatkan dan mengekalkan perhatian pelajar sepanjang pengajaran tersebut. Tugas-

tugas haruslah interaktif pada tahap yang minimum untuk membantu mengekalkan penyertaan pelajar.

Perkaitan pula dalam model ini merupakan elemen utama motivasi. Adalah mudah untuk mendapatkan perhatian pelajar tetapi sukar untuk mengekalkannya sekiranya pelajar merasakan bahawa bahan tersebut tidak berkaitan dengannya. Dengan lain perkataan, pengajaran mesti berkaitan dengan matlamat dan faktor yang penting kepada pelajar.

Untuk pelajar bermotivasi, mereka mesti berasa yakin bahawa mereka dapat mencapai hasil yang dijangkakan. Sekiranya pelajar kurang yakin, adalah sukar untuk mereka mendapatkan tahap pencapaian yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, sekiranya pelajar sangat yakin, dia patut diberikan tugas yang mengandungi lebih banyak pilihan-pilihan yang sukar. Dengan lain perkataan, keyakinan bergantung kepada pelajar dan pengajaran harus dibina untuk membenarkan perubahan kecil dilakukan untuk memenuhi keperluan individu pelajar.

Komponen terakhir dalam Model ARCS adalah kepuasan. Motivasi yang tinggi bergantung kepada samada pelajar mendapat kepuasan dari pengajaran. Sekiranya pelajar tidak berpuas hati kerana pengajaran tidak memberikan

cukup cabaran atau ganjaran yang diberikan ke atas kesukaran adalah tidak mencukupi, maka pelajar tidak akan menunjukkan pencapaian yang terbaik.

Sekiranya salah satu dari elemen-elemen di atas digunakan, ia akan meningkatkan motivasi dan secara individu juga elemen-elemen tersebut boleh menyebabkan penurunan motivasi.

Reka Bentuk Sistem Pengajaran

Kajian-kajian yang telah dijalankan Gallant (1989), Tobin (1990), Thomey (1991) dan Graham (1992), mendapati bahawa para guru menganggap diri mereka sebagai cekap dan berpengetahuan dalam pengembangan pengajaran. Namun, dapatan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk melaksanakan pendekatan pembangunan pengajaran (Seperti dipetik dalam Kennedy, 1994, ms.18). Menurut kajian-kajian tersebut, pada waktu kajian dijalankan, hanya lebih kurang 15% daripada guru-guru sekolah rendah dan bilangan guru sekolah menengah yang kurang daripada itu bekerjasama dengan guru perpustakaan dalam merancang unit-unit dan modul pengajaran.


Dalam membangunkan modul pengajaran sendiri Gagné dan Briggs (1974, Bab. 11) menyenaraikan dua belas langkah am dalam merekabentuk sistem pengajaran. Langkah-langkah tersebut adalah:

1. Menganalisis dan mengenalpasti keperluan-keperluan.
2. Mendefinisikan matlamat dan objektif.
3. Mengenalpasti cara-cara lain untuk mencapai keperluan-keperluan.
4. Merekabentuk komponen-komponen sistem.
5. Menganalisis: a) sumber-sumber yang diperlukan; b) sumber-sumber yang ada ; dan c) kekangan-kekangan.
6. Tindakan untuk menyisihkan atau mengubahsuai kekangan-kekangan.
7. Pemilihan atau pembangunan bahan-bahan pengajaran.
8. Reka bentuk proses-proses penilaian pelajar.
9. Ujian luar; penilaian formatif dan latihan guru.

10. Pelarasan, ulangkaji dan penilaian lanjut.
11. Penilaian sumatif.
12. Pemasangan operasi.

Gambarajah 1 menunjukkan pendekatan sistem yang dicadangkan oleh Rowntree dalam membentuk kursus atau pengajaran (Romiszowski, 1970). Dalam model yang dicadangkan oleh Rowntree, terdapat lingkaran maklum balas yang mencadangkan bahawa peringkat-peringkat awal dalam pembinaan kursus dipertimbangkan dan disemak semula dengan kehadiran maklumat baru. Ini merupakan ciri penting pendekatan sistem. Terdapat tiga jenis aktiviti utama dalam model ini iaitu analisis, sintesis penyelesaian masalah dan penilaian.

Gambarajah 1: Model Rowntree-Pendekatan sistem dalam
merekabentuk kursus/pelajaran



Sumber: Romiszowski, 1970, ms. 17.

Model reka bentuk pengajaran memberikan rangka kerja proses untuk penghasilan secara sistematik pengajaran. Model-model memasukkan elemen-elemen penting proses reka bentuk pengajaran termasuk analisis kumpulan sasaran atau penentuan matlamat dan objektif. Model-model boleh digunakan untuk keseluruhan kursus pengajaran atau unsur-unsur dari pelbagai model boleh digabungkan (Braxton,


1995). "...matlamat *Instructional System Design* (ISD) adalah untuk mencipta pelan tindakan pengajaran yang sempurna , memasukkan konsep pembelajaran penguasaan, dan menyisihkan kesilapan manusia sebanyak mungkin "(Campbell, 1998). Menurut Lange dan Grovdahl (1989), "pengalaman menunjukkan bahawa program-program latihan yang dihasilkan melalui satu model ISD adalah berkesan tetapi memerlukan masa yang lama dan mahal."

Terdapat pelbagai model reka bentuk pengajaran.

Antaranya ialah model reka bentuk pengajaran yang dihasilkan oleh Dick dan Carey dan model Seels dan Glasgow. Model Dick dan Carey adalah model reka bentuk pengajaran behavioris yang paling terkenal ("Dick and Carey", 1998) sementara model Seels dan Glasgow merupakan model konstruktivis.

ialah : matlamat pengajaran; analisis pengajaran; kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar; objektif kelakuan; item-item ujian rujukan kriteria (URK) ; strategi pengajaran; bahan-bahan pengajaran; penilaian formatif; penilaian sumatif ("Dick and Carey", 1998).

Gambarajah 2: Model Dick dan Carey (1985)



Sumber: Dick and Carey, 1998.

Model Seels Dan Glasgow (II) Untuk

Golongan Pengamal, 1997

Model ini berasaskan anggapan bahawa reka bentuk terjadi dalam konteks pengurusan projek. Rancangan pengurusan projek dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk pengajaran dan dan fasa perlaksanaan dan penilaian.

Fasa analisis keperluan menangani isu-isu kekangan, matlamat-matlamat dan ciri-ciri pelajar. Fasa kedua pula melibatkan semua bahagian-bahagian projek berkaitan reka bentuk, pengembangan dan penilaian formatif. Fasa ketiga pula termasuk perlaksanaan dan penilaian sumatif. Dalam fasa ketiga ini produk dipindahkan ke latar belakang sebenar untuk penggunaan berterusan. Di peringkat ini pun semakan dijalankan sewaktu penilaian dikendalikan. Bahagian kritikal dalam fasa ini ialah penerapan iaitu memujuk orang lain untuk menggunakan inovasi tersebut ("Seels and Glasgow", 1998).

Fasa-Fasa Am Dalam Reka Bentuk Pengajaran

Terdapat banyak model yang digunakan oleh perekabentuk-perekabentuk pengajaran dari tahap yang berbeza untuk tujuan pengajaran yang berbeza . Walau bagaimanapun, proses tersebut boleh diringkaskan ke dalam lima fasa am iaitu: 1) Fasa analisis; 2) Fasa reka bentuk; 3) Fasa pengembangan; 4) Fasa perlaksanaan ; dan 5) Fasa penilaian (Braxton, 1998). Menurut Clark (1997), proses reka bentuk sistem pengajaran secara ringkas adalah:

1. Analisis:

- a. Membuat analisis untuk mendapatkan pemahaman sepenuhnya terhadap sistem.
- b. Membuat inventori bagi semua tugas yang berkaitan dengan setiap pekerjaan.
- c. Memilih tugas-tugas untuk latihan.
- d. Membina ukuran prestasi bagi semua tugas yang akan dilatih dan sekiranya kewangan mengizinkan, semua tugas-tugas yang berkaitan dengan pekerjaan.

e. Memilih setting pengajaran untuk tugas-tugas yang akan dilatih seperti, bilik darjah, belajar sendiri dan sebagainya.

f. Menganggarkan kos bagi latihan.

2. Reka bentuk.

a. Mengembangkan objektif pembelajaran bagi setiap tugas.

b. Mengenal pasti dan menyenaraikan langkah-langkah yang diperlukan untuk melaksanakan tugas.

c. Mengembangkan ujian-ujian untuk menunjukkan penguasaan terhadap.

d. Menyenaraikan kelakuan masuk yang perlu ditunjukkan oleh pelajar sebelum latihan.

e. Membuat urutan dan struktur objektif pembelajaran.


3. Pengembangan.

a. Menyenaraikan aktiviti yang dapat membantu pelajar mempelajari tugas.

b. Memilih metod penyampaian seperti pita, *handouts* dan sebagainya.

- c. Menyemak bahan yang sedia ada.
 - d. Mengembangkan pengajaran.
 - e. Sintesis bahan pengajaran kedalam program latihan.
 - f. Mengesahkan pengajaran untuk memastikan ia dapat mencapai matlamat dan objektif.
4. Perlaksanaan.
- a. Mereka perancangan pengurusan untuk latihan.
 - b. Melaksanakan latihan.
5. Penilaian.
- a. Menyemak dan menilai setiap fasa untuk memastikan ia mencapai matlamat.
 - b. Melaksanakan penilaian luaran.
 - c. Menyemak sistem latihan untuk memperbaikinya.

Gambarajah 3 : Model ISD (II) Seels
dan Glasgow (1997)



Sumber: Seels and Glasgow, 1998

Kajian Berhubung Penghasilan Bahan-bahan Dan Modul Pengajaran Kendiri Dalam Pengajaran

Berikut dikemukakan dapatan kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan penghasilan modul atau bahan-bahan pengajaran sendiri dalam pengajaran. Koh (1980) melalui kajian untuk thesis Ph.D yang bertajuk *Self-instructional materials for remedying specific problems in the learning*

of English as a second language menyiasat keberkesanan modul pengajaran sendiri dalam memulihkan kesulitan-kesulitan khusus yang telah dikesan dalam pembelajaran tatakerja Bahasa Inggeris. Tatakerja-tatakerja yang terlibat adalah *is, are, was, were, do, does, did, have, has, dan had*. Sampel terdiri dari para pelajar darjah tiga, empat dan lima daripada tiga buah sekolah rendah dengan bahasa penghantar Bahasa Malaysia. Murid-murid ini diberikan pengajaran Bahasa Inggeris melalui penggunaan sembilan modul pengajaran sendiri berbentuk pakej. Setiap modul ini dilengkapi praujian dan pascaujian. Dapatan kajian mendapati bahawa modul pengajaran sendiri boleh digunakan untuk memulihkan masalah-masalah khusus dalam pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Seperti kajian Koh, kajian Sirifa Srichit (1985) bagi dissertasi Ijazah Sarjana-nya juga bertujuan membentuk satu unit pengajaran sendiri dan menguji keberkesanannya dalam pengajaran bahasa Inggeris. Namun, sampel yang digunakan ialah murid-murid gred 5 di Prasarnmitr Demonstration School, Bangkok. Unit pengajaran sendiri tersebut telah dikembangkan dan diuji dalam tiga langkah iaitu: ujian satu dengan satu, ujian kelompok kecil dan ujian luar/lapangan. Sebanyak 32 item ujian telah diberikan kepada 50 orang murid sebelum dan

selepas mengikuti bahan-bahan pengajaran sendiri yang terdiri dari 90 *frame*. Keberkesanan bahan-bahan terancang ini dianalisis dengan menggunakan ujian-t dan piawaian 90/90. Keputusan mendapati bahawa bahan-bahan pengajaran terancang tersebut menepati piawaian 90/90 dan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menunjukkan bahawa prestasi murid-murid telah meningkat secara signifikan melalui penggunaan bahan-bahan terancang tersebut.

Mohmad Hilmi Said dan Shaharom Noordin (1996) telah menghasilkan empat modul pengajaran sendiri bagi subjek Teknologi Elektronik berdasarkan sukatan pelajaran tingkatan empat sekolah menengah vokasional. Sampel kajian adalah empat belas orang guru yang mengajar subjek Teknologi Elektronik. Guru-guru ini terlibat memberikan penilaian formatif ke atas modul yang dihasilkan. Penilaian melibatkan penilaian satu dengan satu (empat orang guru) dan penilaian kelompok kecil (sepuluh orang guru). Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang diberi nama 'Soal Selidik Kesesuaian Modul Pengajaran Kendiri'. Keseluruhan kajian ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu: 1) merekabentuk dan penghasilan MPK; 2) kajian rintis penilaian formatif dan 3) analisis data dan maklumat. Data-data yang diperolehi

telah dianalisis dengan perisian SPSS PC+. Keputusan menunjukkan bahawa modul yang dihasilkan amat sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Teknologi Elektronik pada peringkat tingkatan empat di sekolah menengah vokasional.

Satu kajian yang dijalankan oleh Mohamad Haslan dan Shaharom Noordin(1996)juga menggunakan kaedah yang sama. Kajian tersebut bertujuan menghasilkan dan menjalankan penilaian formatif ke atas modul pengajaran sendiri bagi subjek Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah. Kajian ini memberikan implikasi bahawa modul pengajaran sendiri yang dibina dengan teliti dan terancang akan menghasilkan modul yang sesuai untuk bahan pengajaran pembelajaran.

Walaupun kajian Mohamad Hilmi Said dan Shaharom Noordin serta kajian Mohamad Haslan dan Shaharom Noordin membuktikan kesesuaian modul pengajaran yang dihasilkan, tidak bermakna jika modul itu digunakan dalam situasi sebenar dengan kehadiran pelajar ia akan berjaya dan berkesan. Mungkin peringkat perlaksanaan yang melibatkan para pelajar perlu dijalankan.

Ringkasan

Dari sorotan penulisan dan kajian lampau, didapati bahawa penggunaan dan kepentingan Bahasa Inggeris di Malaysia semakin meningkat. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia mengalami masalah menguasai bahasa tersebut yang mungkin disebabkan pada asalnya oleh faktor sejarah di mana dasar 'pecah dan perintah' Inggeris sewaktu menjajah Tanah Melayu dahulu telah menyebabkan bangsa Melayu ketinggalan dalam pendidikan Bahasa Inggeris.

Pelajar mengalami masalah menguasai tatabahasa Bahasa Inggeris kerana konsep-konsep yang asing dan tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka dan kegagalan diperingkat asas akan memberi kesan pada pelajaran berikutnya kesan dari sifat longgokan pembelajaran bahasa kedua. Untuk mengelakkan hal ini dari berterusan, pemulihan harus dilakukan segera namun, faktor bilangan pelajar yang terlalu ramai dan kekurangan guru menjadi kekangan kepada pemulihan. Salah satu cara yang dicadangkan untuk mengatasi masalah ini adalah penggunaan bahan pengajaran sendiri. Dalam merekabentuk modul pengajaran sendiri, beberapa model reka bentuk pengajaran boleh digunakan termasuklah model Dick dan Carey (1985).

Sorotan kajian lampau menunjukkan bahawa terdapat kajian-kajian yang dijalankan yang menunjukkan bahawa penggunaan bahan pengajaran sendiri dan modul pengajaran sendiri adalah sesuai dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar. Dengan itu adalah wajar menggunakan kaedah penggunaan bahan/modul pengajaran sendiri dalam usaha menangani masalah penguasaan Bahasa Inggeris bagi klinik pemulihan Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang.